

**SEMINAR ANTI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**  
**PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG BAGI TAHUN 2024**

**Semambu, Kuantan, 8 Mac 2024:** Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah menganjurkan **Seminar Anti Gangguan Seksual di Tempat Kerja Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Tahun 2024**. Seminar ini telah diadakan pada **7 Mac 2024 (Khamis)**, bertempat di **Dewan Utama, Pahang Skills Development Centre (PSDC), Kuantan**. Seramai 115 peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan daripada jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang.

Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan berkaitan gangguan seksual yang ada di tempat kerja terutama yang menjalankan urusan sumber manusia di pejabat. Disamping itu, seminar ini membantu peserta menjalankan intervensi psikologi dengan lebih berkesan bagi mengendalikan kes yang berkaitan gangguan seksual di tempat kerja. Seminar ini juga dapat meningkatkan pemahaman pegawai yang terlibat dalam pengurusan tatatertib terhadap prosedur pengendalian kes gangguan seksual di pejabat. Seminar ini memberikan pendedahan kepada peserta berhubung pekeliling ini yang menggantikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018: Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja yang dibatalkan.

Seminar ini dimulakan dengan slot penceramah yang bertajuk **Gangguan Seksual Dan Kaitannya Dengan Psikologi** yang disampaikan oleh Dr. Ummi Habibah binti Abd Rani. Seterusnya, seminar ini di teruskan dengan sesi forum yang bertajuk **“Hentikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja”** telah disampaikan oleh panel-panel yang terdiri daripada Tuan Fairul Desa, Ketua Unit Penerangan dan Pendidikan, Pusat Keluarga LPPKN Selangor dan Dr. Ummi Abibah binti Abd Rani, Pegawai Psikologi Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman. Seminar ini telah dikendalikan oleh Pn Nor Azimah binti Junus, Pegawai Psikologi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang selaku moderator.

Diharapkan melalui bengkel ini, peserta dapat membentuk kesedaran terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang dari aspek psikologi serta menambah baik keupayaan penjawat awam dalam berhadapan dengan situasi pekerjaan yang semakin mencabar.

**Disediakan oleh Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

Disediakan Oleh: Norsaruddin bin Abdul Rani

Foto: Unit Psikologi



PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

# Forum Anti Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

7 Mac 2024 | Khamis  
Dewan Utama, Pahang Skills Development Centre (PSDC)

## PENCERAMAH & PANEL JEMPUTAN

**Dr. Ummi Habibah binti Abd Rani**

PEGAWAI PSIKOLOGI  
JABATAN SIASATAN JENAYAH, IBU PEJABAT PDRM BUKIT AMAN

**Tuan Fairul Desa**

KETUA UNIT PENERANGAN  
PUSAT KELUARGA LPPKN SELANGOR



